

# Membawa suara rakyat di Parlimen



UNTUNG  
RUGI

ANUAR SHAH BALI MAHOMED

**T**idak berapa lama lagi, gelanggang Parlimen akan dibuka semula bagi membolehkan ahli Parlimen membawa suara rakyat ke Parlimen yang antara lain membawa isu-isu utama yang melibatkan kepentingan rakyat di kawasan parlimen masing-masing.

Namun, dalam konteks yang lebih luas, ia bukan sahaja mencakupi kepentingan kawasan Parlimen masing-masing bahkan terdapat isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat secara keseluruhannya yang merentasi garis atau sempadan Parlimen masing-masing.

Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan untuk melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api yang mula dilaksanakan ke atas bahan api diesel sebelum disusuli dengan RON95. Melalui pendekatan ini, dari satu sudut, penjimatan yang diperolehi sekitar RM4 bilion dapat digunakan untuk program bayaran tunai selain mempertingkatkan lagi kualiti pelbagai perkhidmatan seperti contoh pendidikan dan kesihatan

yang menjadi kepentingan kepada rakyat.

Namun dalam satu sudut yang lain, ia berpotensi untuk memberikan kesan terhadap kenaikan harga barangan. Sama ada peniaga terkesan ataupun tidak terhadap pelaksanaan penyasaran subsidi diesel ini, sama ada peniaga menerima ataupun tidak bantuan tunai RM200 sebulan melalui Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) atau melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), kenaikan harga barangan masih berpotensi untuk berlaku terutamanya melibatkan harga makanan.

Jika kenaikan ini berlaku maka ia bukan sahaja memberikan kesan kepada mereka yang berpendapatan tinggi dan sederhana bahkan ia turut memberikan kesan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Jika kita merujuk semula kajian yang diterbitkan oleh UNICEF dan UNFPA baru-baru ini iaitu mereka yang berpendapatan rendah di Kuala Lumpur yang mendapati kesan kenaikan harga barangan menyebabkan keadaan menjadi lebih mencabar berbanding semasa pandemik Covid-19.

Seramai lapan daripada 10 isi rumah berhadapan dengan situasi yang mencabar untuk memperolehi pendapatan yang mencukupi bagi menampung keperluan asas hidup dan ia adalah lebih tinggi berbanding tujuh daripada 10 sebagaimana yang dilaporkan semasa

pandemik.

Kajian yang sama turut mendapati 90 peratus terkesan dengan kenaikan kos sara hidup, terutamanya harga makanan, selain kira-kira 50 peratus menganggap kedudukan kewangan mereka semakin merosot berbanding 2022.

Yang lebih menyedihkan apabila keluarga terpaksa bekerja lebih masa dan mengurangkan perbelanjaan termasuk makanan. Kenaikan harga makanan menyebabkan lebih separuh kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah di Kuala Lumpur terpaksa makan kurang dari tiga kali sehari, ketika keluarga cuba mengurangkan perbelanjaan berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat. Kajian juga turut menyatakan berkenaan kenaikan ketara kos pendidikan anak-anak.

Selain itu, antara perkara yang penting untuk diketahui oleh rakyat, berapakah pendapatan tahunan isi rumah yang dikecualikan daripada menerima bantuan subsidi melalui kaedah penyasaran subsidi bahan api. Jika dilihat salah satu syarat kelayakan Budi Madani adalah pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 dan ke bawah berdasarkan data Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Adakah ini bermakna mereka yang berpendapatan tahunan individu atau pasangan melebihi RM100,000 dan tidak memenuhi kriteria antaranya 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23

jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah SKDS termasuk pengusaha bas dan teksi, kategori nelayan tertentu termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil, tidak menerima subsidi diesel melalui penyasaran subsidi bahan api dan perlu membayar harga diesel melalui kaedah harga apungan?

Sebagai contoh, dalam sebuah keluarga yang tinggal di Kuala Lumpur, hanya suami sahaja bekerja dan menyara isteri serta empat anak yang masih bersekolah dengan memperoleh pendapatan sebanyak RM9,000 sebulan iaitu RM108,000 setahun dan tidak memenuhi kriteria di atas.

Adakah beliau tidak layak menerima sebarang subsidi diesel melalui penyasaran subsidi bahan api? Bagaimana pula kelak nanti penyasaran subsidi minyak RON95 sama ada beliau layak ataupun tidak untuk menerima subsidi minyak RON95?

Parlimen boleh menjadi medan terbaik untuk membahaskan isu ini secara lebih terperinci demi kepentingan rakyat termasuk untuk mendapatkan kepastian secara khususnya siapa yang layak dan siapa yang tidak layak untuk memperolehi subsidi diesel dan RON95 pula nanti.

*\* Dr. Anuar Shah Bali Mahomed  
Profesor Madya dan Timbalan Dekan  
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi  
Universiti Putra Malaysia/The Future Research*